

# Pengguna kena bijak belanja elak inflasi naik

**K**ENYATAAN Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak mengenai kadar inflasi negara yang dijangka dapat dikawal dalam lingkungan 2.5 peratus pada tahun ini menepati jangkauan Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz.

Zeti Akhtar yang pernah menjangkakan kadar inflasi di Malaysia akan menurun sehingga kurang daripada tiga peratus. Jangkaan ini pernah dilaporkan tahun lalu. Nampaknya, ia satu kejayaan besar negara memandangkan Malaysia berjaya mengawal inflasi pada kadar untuk beberapa dekad dengan purata antara dua hingga tiga peratus.

Kadar inflasi didefinisikan sebagai kadar peningkatan terhadap tingkat harga purata (iaitu ukuran kepada inflasi) yang selalunya dipantau melalui Indeks Harga Pengguna. Secara amnya, kadar inflasi yang tinggi adalah petunjuk kadar penurunan kuasa beli di kalangan pengguna.

Peningkatan kadar inflasi sebenarnya digeruni semua negara, kerana ia mencengkam keadaan ekonomi semasa, selain mengurangkan pelaburan asing.

Pengumuman Timbalan Perdana Menteri itu bagaimanapun, pasti melegakan pengguna di Malaysia. Namun, masih ada persoalan bermain di minda. Adakah kelegaan itu sekadar lega saja? Apakah tindakan yang perlu diambil pengguna memastikan keadaan yang baik ini berlanjutan?

Pemerhatian terhadap kebanyakan sikap masyarakat kita menunjukkan

wujudnya sikap yang mudah meleakkan diri di dalam 'zon selesa' apabila mengetahui sesuatu perkara.

Sikap ini bukanlah sikap yang membina, memandangkan bidang ekonomi itu sendiri bukanlah satu bidang yang statik sifatnya. Turun naik ekonomi mana-mana negara sekalipun, dipengaruhi pelbagai faktor. Justeru, sikap yang betul diperlukan di kalangan ahli masyarakat diperlukan supaya kita tidak terus ketinggalan dalam gelombang ekonomi yang berarus deras.

Tindakan kerajaan untuk mengawal harga barang dijangka boleh membantu mengurangkan kadar inflasi semasa. Namun, sekali lagi, sikap lepas tangan sesetengah pengguna kepada kerajaan untuk menangani isu sebesar ini amat tidak wajar memandangkan kuasa ekonomi adalah di tangan setiap individu.

Dengan kekuatan ini, pengguna yang bijak boleh memainkan peranan dan mampu memberi sumbangan besar kepada pembangunan ekonomi negara.

Pengguna yang bijak bukan hanya bijak memilih harga barang yang dibeli, mereka juga rajin membandingkan harga barang. Amalan membandingkan harga barang juga nampaknya masih belum menjadi tabiat kebanyakan pengguna dengan alasan 'tidak ada masa' atau 'tidak kisah'.

**Siti Suriani Othman,**

*Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan  
Universiti Sains Islam Malaysia.*